



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP PENJUALAN NIKOTIN TANPA LESEN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) di Ibu Pejabat bersama-sama dengan 6 buah Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri iaitu Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu telah menjalankan satu operasi bersepadu di seluruh negara pada **31 Oktober 2019**, sebagai penguatkuasaan terhadap penjualan nikotin tanpa lesen. Tindakan ini diambil rentetan penjualan nikotin tanpa mempunyai lesen racun yang sah, yang didapati semakin berleluasa termasuk di platform e-dagang dan media sosial. Melalui risikan terancang yang dilakukan oleh KKM, sebanyak **28 premis telah diserbu** melibatkan rampasan sebanyak **35,439 item** yang disyaki mengandungi nikotin. Jumlah keseluruhan rampasan ini dianggarkan bernilai **RM 6.38 juta**.

Nikotin adalah merupakan Racun Kumpulan C dan dikawal di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366]. Penjualan nikotin secara berleluasa tanpa lesen yang sah merupakan satu kesalahan di bawah Akta ini dan jika didapati bersalah boleh dihukum di bawah Seksyen 32(2) Akta Racun 1952 iaitu denda tidak melebihi RM 3,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali. Dalam pada itu, sediaan nikotin juga dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 [Akta 368] (Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984) di mana produk-produk yang mengandungi nikotin (termasuklah cecair rokok elektronik) perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). **Penjualan produk yang mengandungi nikotin hanya boleh dilakukan oleh ahli farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan seperti Terapi Penggantian Nikotin bagi perokok yang ingin berhenti merokok.**

Operasi bersepadu kali ini dilaksanakan hasil risikan oleh pihak KKM ke atas aduan dan maklumat yang diterima dari orang awam berkenaan **penjualan rokok elektronik yang mengandungi cecair nikotin** kepada orang ramai khususnya

kepada **golongan pelajar sekolah dan belia**. Tindakan ke atas penjualan nikotin ini bukanlah satu aktiviti baru. Sejak tahun 2015, KKM telah mengambil tindakan terhadap premis yang menjalankan perniagaan tersebut. Namun mutakhir ini, aktiviti penjualan didapati semakin serius, termasuk di platform e-dagang. Oleh itu, KKM telah meningkatkan kerjasama dengan pengendali platform e-dagang yang berpusat di Malaysia serta di laman media sosial. Penjual yang didapati menjual nikotin di platform tersebut telah dikenalpasti dan di senarai hitam. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 165 laman sesawang seperti blogspot dan media sosial telah dihantar kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Facebook, Instagram, Twitter, dan YouTube untuk tindakan sekatan.

Pihak KKM menasihatkan **penjual, pengedar, pengilang dan pengimport** untuk menghentikan serta merta sebarang aktiviti pengilangan, pengedaran dan penjualan cecair yang mengandungi nikotin. KKM akan meneruskan pemantauan serta menjalankan operasi secara berterusan dengan pelbagai pihak bagi memastikan penjualan cecair rokok elektronik bernikotin dapat dibanteras.

Orang ramai dan pihak media boleh mengemukakan aduan dan menyalurkan maklumat berkenaan penjualan cecair rokok elektronik mengandungi nikotin kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia atau melalui laman sesawang <http://www.pharmacy.gov.my> / ATAU mana-mana Cawangan Penguatkuasa Farmasi yang berdekatan ATAU melalui talian 03-78413200 agar tindakan sewajarnya dapat diambil oleh pihak KKM bagi membanteras penjualan produk ini di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**1 November 2019**

## LAMPIRAN A

### GAMBAR-GAMBAR SEMASA OPERASI





